

PENGUNAAN MEDIA SOSIAL DALAM DUNIA TANPA SEMPADAN: SUATU KEBAIKAN ATAU KEBURUKAN?

NADIA FAUZI
KETUA PENOLONG PENGARAH
PROGRAM LITIGASI
ILKAP

Disclaimer: Pandangan dan pendapat yang dinyatakan dalam mana-mana artikel adalah pendapat penulis dan tidak mewakili pandangan ILKAP dan Kerajaan Malaysia

Disclaimer: Any opinion expressed and shared in any of the articles is solely on author's own and does in any way reflect the view of Judicial and Legal Training Institute (ILKAP) and the Government of Malaysia

PENGUNAAN MEDIA SOSIAL DALAM DUNIA TANPA SEMPADAN: SUATU KEBAIKAN ATAU KEBURUKAN?

*“Life is like Facebook. People will like your problems and comment,
but no one will solve them because everyone is busy
updating theirs”*

-Anonymous-

(i) PENGENALAN

Internet merupakan salah satu daripada keperluan harian dalam kehidupan setiap individu. Akses internet yang mudah didapati di mana-mana di samping penggunaan telefon pintar membuatkan masyarakat kini sentiasa mendapat maklumat atau berita-berita semasa hanya di hujung jari. Tidak dinafikan, kemudahan akses internet ini juga membuka peluang kepada penggunaan media sosial yang meluas di kalangan pengguna internet.

Media sosial telah mendapat perhatian setiap peringkat umur masyarakat seiring dengan perkembangan teknologi yang semakin maju. Golongan remaja khususnya melihat media sosial sebagai satu *trend* terkini untuk mengisi aktiviti pada waktu lapang di samping bersosial di alam maya.

Harian Metro turut melaporkan bahawa Malaysia muncul sebagai negara ketiga tertinggi untuk penggunaan internet, selepas Singapura dan Brunei daripada

jumlah keseluruhan pengguna Internet di seluruh Asia Tenggara.¹ Laporan ini jelas menunjukkan tahap penggunaan internet yang tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia.

Penggunaan media sosial yang meluas dapat memberikan manfaat dan pada masa yang sama ia juga memberikan kesan yang buruk kepada masyarakat. Menurut Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin, walaupun media sosial telah menjadi alat yang berkesan untuk berkongsi maklumat, ia juga telah disalahgunakan oleh sesetengah pengguna sebagai alat untuk menyebarkan fitnah dan maklumat-maklumat yang salah dan tidak tepat.²

Tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat masa kini lebih cenderung untuk menggunakan media sosial bagi membincangkan isu-isu terkini selain mengutarakan pendapat masing-masing berkenaan dengan isu-isu tersebut. Platform yang popular pada masa kini seperti *Facebook*, *Twitter*, *Whatsapp*, *Instagram* dan lain-lain merupakan medium utama media sosial yang sering digunakan oleh masyarakat. Ini ditambah pula dengan teknologi moden dan penggunaan telefon pintar yang memudahkan masyarakat untuk memperoleh dan berkongsi maklumat dalam masa yang singkat dan pantas.

Bukan sahaja orang dewasa, malahan kanak-kanak dan remaja juga turut ghairah menjadikan media sosial sebagai sebahagian daripada keperluan hidup

¹ Harian Metro, "Penggunaan Internet di Malaysia ketiga tertinggi", bertarikh 30 Disember 2015

² Media Sosial Ada Baik dan Buruknya, 30 Jun 2015

seharian. Jadi, tidak hairanlah jika dilihat di mana-mana tempat awam, pengangkutan awam mahupun di dalam kenderaan, seseorang itu akan lebih cenderung untuk melayari internet melalui telefon pintar masing-masing bagi mengisi kekosongan waktu mereka.

(ii) **CABARAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL PADA MASA KINI**

Apabila membincangkan tentang cabaran penggunaan media sosial pada masa kini, ia perlu dilihat daripada sudut negatif. Sememangnya terdapat kebaikan dalam penggunaan media sosial, namun, tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat Malaysia khususnya belia lebih terdedah kepada sisi negatif penggunaan media sosial pada masa kini.

Salah satu cabaran yang dihadapi adalah berkenaan dengan ketulenan atau kesahihan sesuatu berita atau maklumat yang dibaca di media sosial. Dengan informasi di hujung jari masyarakat khususnya para belia terdedah dengan pelbagai bentuk berita atau maklumat yang palsu. Sekiranya pembaca tidak berhati-hati dalam menentukan ketulenan sumber berita atau maklumat tersebut dan kemudiannya berkongsi berita atau maklumat palsu itu, ia akan mengakibatkan berita atau maklumat tersebut menjadi tular. Sedikit sebanyak perkongsian berita atau maklumat tidak sah itu akan menjejaskan atau memudaratkan mana-mana pihak yang terlibat dengan penularan berita atau maklumat tersebut.

Kerajaan Persekutuan sememangnya memandang berat terhadap fenomena penularan berita dan maklumat palsu ini sehinggakan pihak Kerajaan terpaksa

mewujudkan langkah-langkah dalam menangani permasalahan ini menerusi usaha yang berpanjangan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia seperti pewujudan laman sesawang *Sebenarnya.My*³. Ini merupakan suatu usaha yang murni daripada pihak Kerajaan Persekutuan dalam memerangi penularan berita dan maklumat yang tidak sahih dalam media sosial.

Selain menjadi tempat penyebaran berita atau maklumat palsu, media sosial juga dilihat sebagai medan atau alat untuk menyebarkan fitnah untuk menjatuhkan atau untuk memalukan seseorang. Perkara ini dilihat sebagai hampir normal pada masa sekarang dan ini adalah perkembangan yang tidak sihat bagi masyarakat Malaysia yang sedang menuju negara maju. Ini merupakan cabaran yang agak susah hendak ditangani kerana kebanyakan masyarakat Malaysia khususnya belia amat mudah terpengaruh dengan fitnah atau tohmahan yang terdapat dalam media sosial.

Golongan belia juga didapati gemar untuk melayari laman-laman web yang berunsur negatif seperti laman web pornografi. Perkara ini amatlah membimbangkan memandangkan sebahagian besar ibu bapa masa kini terlalu sibuk bekerja sehingga mengabaikan perhatian kepada keluarga. Maka tidak mustahil sekiranya kanak-kanak terdedah secara langsung atau tidak langsung kepada unsur-unsur negatif yang bertebaran di internet.

³ <https://sebenarnya.my>

Menurut artikel yang dikeluarkan oleh Harian Metro yang bertarikh 23 Ogos 2017⁴ yang bertajuk “Statistik mengejutkan”, Pengarah *Love Myself Campaign* Dr. Shamsuriani Md Jamal menyatakan bahawa “statistik global yang dikeluarkan laman web lucah di Amerika Syarikat baru-baru ini menyebut Malaysia antara negara paling tinggi di Asia yang menonton sumber pornografi. Malah daripada statistik itu, kaum wanita negara ini dikatakan mendahului kaum lelaki”. Menurutny lagi *Love Myself Campaign* pernah melakukan kaji selidik membabitkan kelompok remaja berusia antara 13 hingga 17 tahun pada tahun 2015 dan 2016. Pada tahun 2015, mereka telah melakukan kaji selidik terhadap 70 responden dan tahun 2016 pula membabitkan 377 responden.

Dr. Shamsuriani mendedahkan bahawa kedua-dua kaji selidik tersebut menunjukkan hasil dapatan yang hampir sama. “Kira-kira 80% daripada responden mengakui terdedah kepada bahan bahan pornografi dan separuh daripada jumlah tersebut pula mengaku bahawa ia dilakukan secara sengaja dan 50% lagi mengaku secara tidak sengaja. Dr. Shamsuriani menyatakan, “jadi, apa yang boleh disimpulkan di sini adalah 80% daripada kanak-kanak dan remaja di negara ini sudah terdedah kepada bahan pornografi, sama ada secara sengaja atau tidak sengaja atau mereka memang mencari bahan lucah.”.

Berdasarkan kepada pendedahan tersebut, jelas menunjukkan situasi ini amatlah membimbangkan. Kesan daripada akses kepada bahan pornografi yang tidak terkawal boleh menyumbang kepada masalah sosial yang lain seperti rogol, cabul dan sebagainya. Ini disebabkan oleh tiada kawalan oleh ibu bapa yang

⁴ <https://www.hmetro.com.my/hati/2017/08/256820/statistik-mengejutkan> oleh Intan Mas Ayu Shahimi

gagal memantau aktiviti anak-anak yang bebas melayari internet dan disebabkan juga oleh perasaan ingin tahu dan meniru perlakuan yang tidak senonoh yang ditonton di internet atau media sosial khususnya.

Pergaulan tanpa batasan melalui aplikasi *WhatsApp*, *WeChat* dan pelbagai aplikasi *Meet and Greet* yang lain turut menyumbang kepada masalah sosial yang dihadapi oleh remaja ketika ini. Remaja, khususnya remaja perempuan, dilihat sebagai mangsa yang mudah untuk diperdaya oleh pemangsa-pemangsa seksual bagi pelbagai tujuan yang tidak bermoral. Perkara ini sememangnya merupakan salah satu cabaran yang nyata bukan sahaja bagi remaja, malah orang dewasa juga terperangkap dalam mainan yang dilakukan oleh pemangsa-pemangsa dalam media sosial.

Lanjutan daripada permasalahan gejala di atas, aplikasi *Meet and Greet* yang dinyatakan di atas juga didapati menjadi penyumbang kepada kes-kes perceraian di kalangan masyarakat dalam negara ini. Menurut pakar psikologi dan Dekan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Prof Madya Dr Mariani Mohd Nor berkata aplikasi seperti *WhatsApp* boleh menjadi platform untuk pasangan muda meluahkan perasaan marah apabila berhadapan dengan konflik rumah tangga. Ini berdasarkan kepada artikel berita yang dikeluarkan oleh Mstar Online yang bertajuk "Gajet, Media Sosial Boleh Menjadi Medium Cerai" bertarikh 14 Januari 2016⁵. Menurut artikel tersebut lagi, didapati bahawa jumlah kes perceraian sepanjang enam tahun lepas mencecah 274,000 kes pasangan beragama Islam yang bercerai dengan purata 156 kes perceraian yang

⁵ <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2016/01/14/gajet-media-sosial-medium-cerai/>

direkodkan di Mahkamah Syariah sehari. Sebab utama bagi kes-kes perceraian tersebut adalah disebabkan oleh pergaulan bebas tanpa batasan pasangan-pasangan tersebut dalam aplikasi *WhatsApp* dan sebagainya. Sememangnya jumlah ini amatlah membimbangkan dan menggusarkan semua pihak.

Pergaulan tanpa batasan melalui aplikasi seperti *WhatsApp*, *WeChat* dan sebagainya ini akan mengakibatkan institusi kekeluargaan itu sendiri akan terjejas dan seterusnya akan mengakibatkan keretakan rumah tangga dan juga perceraian. Kesan daripada perceraian tersebut bukan sahaja akan menjejaskan pasangan itu sendiri, akan tetapi anak-anak juga akan terjejas dan juga orang yang terdekat dengan pasangan tersebut juga akan mendapat tempias daripada perceraian tersebut dan semuanya diakibatkan oleh penyalahgunaan media sosial. Setiap pengguna media sosial perlulah menggunakan apa-apa aplikasi dengan berhati-hati dan penuh tanggungjawab bagi memastikan penggunaan media sosial itu tidaklah bertentangan atau bercanggah dengan tujuan sebenar media sosial itu diwujudkan kerana penyalahgunaan sesuatu media sosial itu akan memberikan kesan yang sangat jauh (*far-reaching effect*).

Selain gejala di atas, terdapat juga pengguna-pengguna media sosial ini terjebak dengan penipuan cinta atas talian atau *Love Scam* yang bertujuan untuk menipu dan mendapatkan duit daripada mangsa dengan cara memerangkap mangsa dengan pujuk rayu dan ayat-ayat cinta. Menurut portal berita FMT News, melalui sebuah artikel yang bertajuk “Kerugian hampir RM99 juta penipuan ‘Love Scam’

dilapor pada tahun lepas'⁶, ia mendedahkan bahawa setakat tahun 2016 sahaja kes *Love Scam* melalui media sosial yang sebahagian besarnya didalangi oleh warganegara asing khususnya warga Afrika adalah jenayah siber kedua tertinggi yang dilaporkan di Malaysia dengan 2,498 kes yang melibatkan kerugian sebanyak RM98.98 juta. Ini merupakan suatu angka yang sangat membimbangkan. Menurut artikel tersebut juga, pihak Bahagian Siasatan Jenayah dan Multimedia, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyatakan bahawa “kebanyakan mangsa yang diperdaya sindiket itu adalah golongan profesional seperti doktor dan guru”. PDRM juga tidak menolak kemungkinan terjadinya kes-kes jenayah seperti ini adalah berpunca daripada kurangnya kesedaran pengguna media sosial mengenai keselamatan siber dan sensitiviti dan akibatnya kegiatan penjenayah siber berleluasa.

Melalui artikel berita yang sama, PDRM mendedahkan bahawa penipuan telekomunikasi melalui pesanan ringkas SMS, telefon atau e-mel yang kononnya penerima teks, panggilan atau e-mel tersebut telah memenangi hadiah, merupakan jenayah siber yang ke-3 tertinggi selepas kes penipuan *Love Scam* sebagaimana yang dinyatakan di atas. Menurut statistik kes yang diberikan oleh PDRM, sebanyak 1,898 kes yang dilaporkan yang mana ia melibatkan kerugian sebanyak RM52.98 juta. Angka-angka kerugian yang dinyatakan dalam artikel berita tersebut adalah sangat tinggi dan perkara ini haruslah dikhuatiri akan terus

⁶ <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/05/26/kerugian-hampir-rm99-juta-penipuan-love-scam-dilapor-tahun-lepas/>

menular jika pengguna media sosial tidak berhati-hati dalam penggunaan media sosial seharian.

Cabaran yang seterusnya yang mana semakin menular di akhir-akhir ini adalah berkenaan dengan *cyberbullying* atau pbulian siber. Walaupun *cyberbullying* di negara ini tidak begitu serius berbanding dengan negara-negara maju yang lain, namun ia menunjukkan trend peningkatan dari tahun ke tahun. Menurut artikel berita yang dikeluarkan dalam surat khabar *The Star Online* yang bertajuk “*On the alert for cyberbullying*” bertarikh 11 April 2017⁷, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh pihak CyberSecurity Malaysia, sebanyak 300 kes pbulian siber yang direkodkan pada tahun 2012, 512 kes pada tahun 2013, 550 kes pada tahun 2014, 442 kes pada tahun 2015 dan 529 kes pada tahun 2016.

Menurut artikel berita yang sama, pihak CyberSecurity Malaysia menyatakan bahawa kes pbulian siber di kalangan pelajar sekolah adalah tinggi dan lebih serius. Ini kerana, statistik menunjukkan bahawa pada tahun 2012, sebanyak 250 kes dicatatkan pada tahun 2012, 389 kes pada tahun 2013, 291 kes pada tahun 2014, 256 kes pada tahun 2015 dan 338 kes pada tahun 2016. Jumlah kes pbulian siber yang melibatkan pelajar sekolah adalah sebanyak 1,524 kes semenjak lima tahun yang lepas. Ini adalah suatu angka yang sangat mengejutkan dan amat membimbangkan. Kesan pbulian siber terhadap mangsa adalah lebih kepada psikologi mangsa seperti kurang keyakinan diri,

⁷ <https://www.thestar.com.my/opinion/letters/2017/04/11/on-the-alert-for-cyberbullying/>

menjadi anti sosial dan dalam kes yang lebih ekstrem, mangsa mempunyai kecenderungan untuk membunuh diri.

Selain itu, terdapat juga gejala pembulian siber seperti sindrom '*tall poppy*' dalam media sosial yang mana ia merujuk kepada situasi yang mana pengguna media sosial akan memberikan komen-komen yang negatif bagi tujuan menjatuhkan maruah pengguna media sosial yang lain kerana mereka tidak senang melihat orang lain berada dalam keadaan yang lebih tinggi daripada diri mereka sendiri. Menurut artikel yang dikeluarkan oleh surat khabar Kosmo Online! Melalui artikel berita yang bertajuk 'Ramadan cegah sindrom negatif media sosial'⁸ yang bertarikh 14 Jun 2017, sindrom *tall poppy* ini boleh diklasifikasikan sebagai satu gejala buli di alam maya. "Dalam satu kejadian, seorang pelajar cemerlang mendapat kecaman hebat kerana mengenakan alat kosmetik ketika ingin mengambil keputusan Sijil Pelajaran Malaysia yang lalu. Kejadian itu merupakan satu contoh kejadian *cyberbully* ke atas orang yang mempunyai karektor *tall poppy*. Ada masanya juga, ia menjadi lumrah apabila dua karektor *tall poppies* dibandingkan oleh penghidap sindrom untuk membuktikan kebenaran hujah mereka yang tidak tercapai akal itu kerana mereka banyak berbicara berasaskan emosi".

Selain cabaran-cabaran yang dinyatakan di atas, media sosial juga dijadikan sebagai tempat atau medan untuk mengukur populariti seseorang pengguna media sosial tersebut. Terma-terma seperti "instafamous", "tweeting", "trending" dan seumpamanya lahir daripada penggunaan media sosial pada masa kini.

⁸ http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2017&dt=0614&pub=Kosmo&sec=Varia&pg=va_01.htm

Namun, perkara ini secara tidak langsung telah memberikan atau mengakibatkan pengguna-pengguna media sosial itu leka dan lalai dengan dunia yang dicipta di alam maya tersebut. Ini dapat dilihat apabila pengguna-pengguna media sosial berusaha sedaya upaya untuk menangkap dan memuat naik gambar-gambar mereka yang paling “sempurna” untuk tatapan pengguna media sosial yang lain dan cuba untuk mendapatkan “likes” seberapa banyak yang boleh. Hakikatnya adalah gejala ini telah menyebabkan ramai pengguna media sosial pada masa ini hidup dalam kepura-puraan dan sentiasa bergantung kepada komen atau “likes” daripada pengguna media sosial yang lain untuk merasa diri mereka penting atau dihargai.

(iii) **KEBAIKAN MEDIA SOSIAL**

Di samping cabaran-cabaran dalam penggunaan media sosial yang dinyatakan di atas, tidak dinafikan bahawa terdapat banyak kebaikan yang boleh didapati oleh pengguna-pengguna internet melalui media sosial. Antara kebaikan yang boleh didapati daripada media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter* adalah ia boleh dijadikan sebagai medium untuk mencari rakan lama yang terpisah dan kembali berhubung semula dengan mereka serta mengikat ukhuwah sesama insan⁹.

Media sosial juga boleh dijadikan sebagai medan untuk perkongsian ilmu atau maklumat yang bermanfaat bersama rakan-rakan media sosial yang lain. Ini merupakan suatu kelebihan kepada pengguna-pengguna media sosial untuk

⁹ <http://www.utusan.com.my/rencana/forum/gunakan-media-sosial-untuk-kebaikan-1.538322>

bertukar-tukar pendapat selain menimba dan berkongsi ilmu baharu di laman maya. Bak kata pepatah Inggeris, *sharing is caring*.

Selain itu, media sosial juga berperanan untuk menjadi medan atau ruangan yang sangat penting bagi usahawan-usahawan untuk memasarkan produk-produk jualan atau perkhidmatan yang ditawarkan secara dalam talian. Dengan cara ini, ia memberikan kelebihan kepada usahawan-usahawan untuk beroperasi atau menjalankan perniagaan dari rumah atau di mana-mana sahaja memandangkan bidang perniagaan masa kini telah berkembang selaras dengan arus perkembangan dunia siber tanpa sempadan yang tidak memerlukan usahawan mempunyai “kedai” secara fizikal untuk berniaga. Ini secara tidak langsung akan menjimatkan kos operasi usahawan-usahawan tersebut dan selanjutnya mereka dapat memaksimumkan keuntungan hasil daripada perniagaan yang dijalankan secara dalam talian menerusi pelbagai media sosial yang ada di laman maya.

Media sosial juga dilihat sebagai alat untuk menyampaikan berita secara cepat, tepat dan pantas. Ini dapat dilihat apabila kebanyakan surat khabar utama negara seperti Berita Harian, Utusan, Harian Metro, *The New Straits Times* dan sebagainya masing-masing mempunyai akaun *Facebook*, *Twitter* dan lain-lain yang digunakan untuk menyampaikan berita kepada para pembaca secara dalam talian. Melalui kaedah ini, media sosial menjadi suatu alat yang penting dan berkuasa dalam penyampaian berita-berita terkini pada ketika ini.

Menurut Jurnal Komunikasi Jilid 31(2):2015 yang bertajuk “Akhbar Versi Digital: Implikasi terhadap Sirkulasi Akhbar Bercetak di Malaysia”¹⁰, penulis jurnal tersebut menyatakan bahawa “kemerosotan jualan akhbar bercetak yang berlaku sejak tahun 2013 telah membangkitkan persoalan tentang hala tuju industri penerbitan akhbar negara ini. Akhbar *New Straits Times* mencatatkan purata kejatuhan terbesar sebanyak 32.4 peratus kepada 37,885 naskhah sehari, diikuti dengan Harian Metro sebanyak 25 peratus kepada 342,689 naskhah. Walau bagaimanapun, dalam laporan *Audit Bureau of Circulation Malaysia* 2014 (ABC Malaysia 2014) menunjukkan, akhbar berkonsepkan digital atau e-paper-*Utusan Malaysia* mencatatkan lonjakan langganan 60 peratus kepada 204,302 naskhah, manakala akhbar digital *The Star* dan *Sunday Star E-Paper* menokok 64 peratus dengan langganan sebanyak 81,367 dan 81,498 setiap satu”.

Media sosial juga memudahkan urusan seharian pengguna-pengguna media sosial apabila kebanyakan urusan niaga sama ada pembelian barangan atau urusan perbankan dapat diuruskan melalui dalam talian. Pengguna media sosial tidak perlu bersusah payah untuk keluar dari rumah masing-masing atau bersusah untuk beratur dan sebagainya bagi menguruskan urusan seharian dan ini amat menjimatkan masa pengguna-pengguna media sosial yang aktif menggunakan platform tersebut sebagai alternatif kepada menguruskan apa-apa urusan secara konvensional.

¹⁰ http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf_files/2015/V31_2_40.pdf (muka surat 687-701)(Shahrul Nazmi Sannusi dan Normah Mustaffa, Universiti Kebangsaan Malaysia)

(iv) **UNDANG-UNDANG MALAYSIA BERHUBUNG DENGAN MEDIA**
SOSIAL

Setakat ini terdapat beberapa perundangan dalam Malaysia yang digunakan untuk mengawal selia penggunaan media sosial yang telah digubal oleh Parlimen Malaysia seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], Akta Jenayah Komputer 1997 [Akta 563], Akta Hasutan 1948 [Akta 15], Akta Fitnah 1957 [Akta 286] serta Kanun Keseksaan [Akta 574].

Di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, jenis-jenis kesalahan yang dikawal selia oleh Akta tersebut secara amnya diperuntukkan dalam Bab 2, Bahagian X Akta dari seksyen 231 hingga 244 yang meliputi pelbagai kesalahan. Antara kesalahan yang diperuntukkan di bawah Bab 2 tersebut adalah kesalahan penggunaan radas atau peranti tanpa kebenaran, penggunaan rangkaian untuk melakukan fraud, penggunaan tidak wajar rangkaian seperti mengeluarkan kenyataan yang jelik atau lucah dan sebagainya sehinggalah kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) merupakan Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam memantau dan mengawal selia setiap aktiviti dalam media sosial. MCMC ini adalah badan yang sangat penting bukan dari segi pemantauan sahaja, malah badan ini adalah badan yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan setiap undang-undang bertulis berkenaan dengan media sosial. Akta utama yang di bawah seliaan MCMC adalah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]. MCMC menyatakan

bahawa MCMC telah menerima sebanyak 6,725 mengenai penyalahgunaan perkhidmatan komunikasi dan media sosial sepanjang 10 bulan tahun ini¹¹. Menurut Ketua Pegawai Keselamatan Rangkaian dan Penguatkuasaan MCMC Encik Zulkarnain Mohd Yasin, angka yang dicatatkan menunjukkan trend peningkatan sebanyak 21 peratus berbanding 4,919 aduan yang diterima MCMC pada tahun 2016.

Menurut *Sinar Harian Online*, sebanyak 42 kes di bawah Akta 588 dibawa ke Mahkamah sejak tahun 2016¹² sehingga 1 Februari tahun 2017. Menurut Kementerian Komunikasi dan Multimedia, “semua tindakan penguatkuasaan yang diambil adalah berteraskan prosedur undang-undang yang ditetapkan, di mana tindakan boleh diambil di bawah seksyen 233 Akta 588 terhadap individu yang menyalahgunakan internet atau perkhidmatan aplikasi sebagai platform bagi menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau yang jelik”.

Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 memperuntukkan seperti yang berikut:

“Penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, dll.

233. (1) Seseorang yang—

¹¹http://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=12881:&catid=118:&Itemid=254&lang=ms

¹² <http://www.sinarharian.com.my/semasa/42-kes-di-bawah-akta-588-dibawa-ke-mahkamah-sejak-2016-1.639060>

(a) dengan menggunakan mana-mana kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi secara sedar—

- (i) membuat, mewujudkan atau meminta-minta; dan
- (ii) memulakan penghantaran, apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain; atau

(b) memulakan suatu komunikasi dengan menggunakan mana-mana perkhidmatan aplikasi, sama ada secara berterusan, berulang kali atau selainnya, dan dalam masa itu komunikasi mungkin atau tidak mungkin berlaku, dengan atau tanpa mendedahkan identitinya dan dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu mana-mana orang di mana-mana nombor atau alamat elektronik,

melakukan suatu kesalahan.

(2) Seseorang yang secara sedar—

- (a) dengan menggunakan suatu perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi memberikan apa-apa komunikasi lucah bagi maksud komersial kepada mana-mana orang; atau
- (b) membenarkan suatu perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi di bawah kawalan orang itu untuk digunakan bagi suatu aktiviti yang diperihalkan dalam perenggan (a),

melakukan suatu kesalahan.

(3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga boleh didenda selanjutnya satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan.”

Jika diperhatikan, terdapat banyak kes yang dituduh di Mahkamah di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 kerana orang yang dituduh didapati mengeluarkan kenyataan yang jelik melalui akaun *Facebook*, *Instagram*, *WhatsApp* dan lain-lain.

Antara kes-kes yang dilaporkan bersabit dengan kesalahan di bawah seksyen 233 adalah seperti yang dilaporkan dalam *Berita Harian Online* yang mana seorang pengurus kedai kasut telah didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala

Lumpur kerana mengeluarkan mesej jelik di laman *Facebook*¹³. Orang kena saman (OKS) tersebut dituduh dengan tiga pertuduhan menghantar komunikasi jelik dengan cara mengedit gambar Perdana Menteri bersama wanita berpakaian mencolok mata di laman sosial *Facebook* miliknya di bawah profil “Zaidi Zura”. Bagi ketiga-tiga pertuduhan tersebut, OKS tersebut telah didakwa di bawah seksyen 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan boleh dihukum mengikut seksyen 233(3) Akta yang sama.

Selain kes yang dinyatakan di atas, terdapat juga kes yang dituduh di bawah seksyen 233 ini melibatkan kenyataan yang jelik yang dikeluarkan terhadap Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan Melayu atau Institusi Diraja Melayu. Sebagai contoh, *Berita Harian Online* melaporkan bahawa seorang buruh telah dijatuhi hukuman penjara selama setahun oleh Mahkamah Sesyen Johor Bharu kerana memuat naik komen bersifat jelik terhadap Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim, dalam laman *Facebook* miliknya¹⁴. Buruh tersebut telah dituduh dengan 14 pertuduhan dan buruh tersebut telah mengaku salah terhadap kesemua 14 pertuduhan yang dituduh. Terdapat juga kes-kes penghinaan terhadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu¹⁵, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak¹⁶ atau Institusi Diraja yang telah diambil tindakan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

¹³ <https://www.bharian.com.my/node/293632>

¹⁴ <https://www.bharian.com.my/node/161737>

¹⁵ http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2017&dt=0414&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne_03.htm

¹⁶ <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/10/339342/hina-sultan-remaja-didenda>

Selain Duli Yang Maha Mulia Sultan dan pemimpin-pemimpin politik yang sering menjadi mangsa kepada kenyataan jelik di media sosial, golongan ulama' juga tidak terkecuali daripada menjadi mangsa kepada kenyataan jelik di media sosial. *Berita Harian Online* melaporkan bahawa seorang pekerja kilang telah didenda RM2,500 oleh Mahkamah Sesyen Kangar kerana telah memuat naik komen jelik terhadap Sahibus Samahah Mufti Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainal Abidin menerusi aplikasi *Facebook*¹⁷.

Selain Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Hasutan 1948 [Akta 15] juga diguna pakai bagi apa-apa perlakuan atau pernyataan yang boleh dikira sebagai menghasut di bawah Akta tersebut. Seksyen 3 Akta Hasutan 1948 menyatakan seperti yang berikut:

"Kecenderungan menghasut

3. (1) Sesuatu "kecenderungan menghasut" ialah kecenderungan—

- (a) bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja atau Kerajaan;
- (b) bagi membangkitkan rakyat mana-mana Raja atau penduduk mana-mana wilayah yang diperintah oleh mana-mana Kerajaan supaya cuba mendapatkan perubahan, dengan apa-apa cara selain cara yang sah, apa-apa jua yang wujud menurut undang-

¹⁷ <https://www.bharian.com.my/node/284250>

undang di dalam wilayah Raja itu atau wilayah yang diperintah oleh Kerajaan itu;

- (c) bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap pentadbiran keadilan di Malaysia atau di mana-mana Negeri;
- (d) bagi menimbulkan perasaan tidak puas hati atau tidak setia di kalangan rakyat Yang di-Pertuan Agong atau rakyat Raja mana-mana Negeri atau di kalangan penduduk Malaysia atau penduduk mana-mana Negeri;
- (e) bagi mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Malaysia; atau
- (f) bagi mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 152, 153 atau 181 Perlembagaan Persekutuan.

(2) Walau apa pun apa-apa jua dalam subseksyen (1), sesuatu perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain tidak boleh disifatkan sebagai

menghasut semata-mata oleh sebab perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain itu mempunyai kecenderungan—

- (a) bagi menunjukkan bahawa mana-mana Raja telah dikelirukan atau tersilap dalam apa-apa langkah yang diambil olehnya;
- (b) bagi menunjukkan kesilapan atau kecacatan dalam mana-mana Kerajaan atau perlembagaan sebagaimana yang diwujudkan oleh undang-undang (kecuali berkenaan dengan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang disebut dalam perenggan (1)(f) selain yang berhubungan dengan pelaksanaan mana-mana peruntukan yang berhubungan dengannya) atau dalam perundangan atau dalam pentadbiran keadilan dengan tujuan hendak membetulkan kesilapan atau kecacatan itu;
- (c) kecuali berkenaan dengan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang disebut dalam perenggan (1)(f)—
 - (i) bagi meyakinkan rakyat mana-mana Raja atau penduduk mana-mana wilayah yang diperintah oleh mana-mana Kerajaan supaya cuba untuk mendapatkan perubahan, dengan cara yang sah, apa-apa perkara di dalam wilayah

Kerajaan itu sebagaimana yang diwujudkan oleh undang-undang; atau

- (ii) bagi menunjukkan, dengan tujuan hendak menghapuskannya, apa-apa perkara yang menimbulkan atau yang mempunyai kecenderungan untuk menimbulkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Persekutuan,

jika perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain itu tidak, dengan apa-apa cara lain, sebenarnya mempunyai kecenderungan menghasut.

- (3) Bagi maksud membuktikan pelakuan apa-apa kesalahan terhadap Akta ini niat orang yang dipertuduh itu pada waktu dia melakukan atau cuba melakukan atau membuat apa-apa persediaan untuk melakukan apa-apa perbuatan atau pada waktu dia berkomplot dengan mana-mana orang untuk melakukan apa-apa perbuatan atau pada waktu dia menyebut apa-apa perkataan menghasut atau pada waktu dia mencetak, menerbitkan, menjual, menawarkan untuk dijual, mengedarkan, mengeluarkan semula atau mengimport apa-apa penerbitan atau pada waktu dia melakukan apa-apa benda lain hendaklah disifatkan sebagai tidak berkaitan jika sebenarnya perbuatan itu mempunyai kecenderungan menghasut, atau, jika dilakukan, akan mempunyai kecenderungan menghasut, atau jika sebenarnya perkataan, penerbitan atau benda lain itu mempunyai kecenderungan menghasut.”

Seterusnya, peruntukan mengenai kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948 dinyatakan di bawah seksyen 4 Akta Hasutan 1948 seperti yang berikut:

“Kesalahan

4. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) melakukan atau cuba melakukan, atau membuat apa-apa persediaan untuk melakukan, atau berkomplot dengan mana-mana orang untuk melakukan, apa-apa perbuatan yang mempunyai kecenderungan menghasut, atau, jika dilakukan, akan mempunyai kecenderungan menghasut;
- (b) menyebut apa-apa perkataan menghasut;
- (c) mencetak, menerbitkan, menjual, menawarkan untuk dijual, mengedarkan atau mengeluarkan semula apa-apa penerbitan menghasut; atau
- (d) mengimport apa-apa penerbitan menghasut,

melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh bagi kesalahan kali pertama didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan yang kemudian, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun; dan apa-apa penerbitan menghasut yang didapati dalam milik orang itu atau yang digunakan sebagai keterangan dalam perbicaraannya hendaklah

dilucuthakkan dan boleh dimusnahkan atau dilupuskan dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah.

(2) Mana-mana orang yang ada dalam miliknya tanpa sebab yang sah apa-apa penerbitan menghasut melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh bagi kesalahan kali pertama didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lapan belas bulan atau kedua-duanya, dan, bagi kesalahan yang kemudian, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, dan penerbitan itu hendaklah dilucuthakkan dan boleh dimusnahkan atau dilupuskan dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah.”.

Berdasarkan peruntukan di atas, jenis perbuatan yang boleh dikira sebagai menghasut telah diperuntukkan dengan agak meluas. Ini termasuklah kesalahan-kesalahan hasutan yang boleh disebarkan melalui media sosial oleh mana-mana orang. Sebagai contoh, baru-baru ini heboh diperkatakan berkenaan dengan suatu video ceramah agama yang tular di media sosial berkenaan dengan seorang ustaz yang telah menyampaikan ceramah dan telah mengeluarkan komen semasa ceramah tersebut yang disifatkan sebagai suatu hasutan terhadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Ustaz tersebut telah disiasat di bawah seksyen 4 Akta Hasutan 1948¹⁸.

¹⁸ <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/10/335903/presiden-aswaja-disiasat-ikut-akta-hasutan>

Selain itu, kesalahan menghasut melalui sosial media ini juga telah diulas oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Mat Shuhaimi bin Shafiei v. Public Prosecutor*¹⁹, Mahkamah Rayuan menyatakan seperti yang berikut:

“[95] The learned deputy public prosecutor rightly submitted that the Sedition Act does not prevent freedom of speech and expression. Section 3(2)(a) of the same Act does not prevent criticism of any Ruler provided it is for the purpose of showing 'that any Ruler has been misled or mistaken in any of his measures'. However, criticism of any Ruler is seditious if it is for the purpose of questioning the 'sovereignty, prerogatives, powers and jurisdiction of the Rulers and the prerogatives, powers and jurisdiction of the Ruling Chiefs of Negeri Sembilan within their respective territories' in the context of art 181(1) of the Federal Constitution. We venture to say that criticism of any Ruler in any manner or form, be it in writing or otherwise, be it disseminated and communicated through the social media via the internet or handphone is seditious if it is for the purpose of belittling any Ruler or if it is for the purpose of removing any Ruler or destroying the fabric of the monarchy altogether. The internet and the handphone are powerful mechanisms for expression and if they carry seditious materials, they will be caught under the Sedition Act.”.

Selain Akta Hasutan 1948, Akta Fitnah 1957 [Akta 286] dan Kanun Keseksaan juga merupakan suatu perundangan khusus yang digunakan oleh penguatkuasa untuk mengawal selia kegiatan penyebaran fitnah melalui media sosial. Bagi

¹⁹ [2014] 2 MLJ 245

pemakaian fitnah yang berbentuk jenayah, kesalahan tersebut dinyatakan dari seksyen 499 hingga 502 di bawah Bahagian XXI Kanun Keseksaan. Seksyen 499 Kanun Keseksaan menyatakan seperti yang berikut:

“Defamation

499. Whoever, by words either spoken or intended to be read or by signs, or by visible representations, makes or publishes any imputation concerning any person, intending to harm, or knowing or having reason to believe that such imputation will harm the reputation of such person, is said, except in the cases hereinafter excepted, to defame that person.

Explanation 1- It may amount to defamation to impute anything to a deceased person, if the imputation would harm the reputation of that person if living, and is intended to be hurtful to the feelings of his family or other near relatives.

Explanation 2- It may amount to defamation to make an imputation concerning a company, or an association or collection of persons as such.

Explanation 3- An imputation in the form of an alternative or expressed ironically, may amount to defamation.

Explanation 4- No imputation is said to harm a person's reputation, unless that imputation directly or indirectly, in the estimation of others, lowers the moral or intellectual character of that person, or lowers the character of that person in respect of his caste or of his calling, or lowers the credit of that person, or

causes it to be believed that the body of that person is in a loathsome state, or in a state generally considered as disgraceful.”

Bagi kesalahan fitnah berbentuk sivil, kesalahan ini dikawal selia di bawah Akta Fitnah 1957 dan tindakan yang boleh diambil di bawah Akta tersebut adalah berbentuk persendirian atau *private in nature*. Ini kerana pihak yang terkesan dengan sesuatu kenyataan fitnah itu hendaklah membuat tuntutan sivil di Mahkamah dan Plaintiff hendaklah membuktikan kesnya di Mahkamah dan sekiranya tuntutan Plaintiff berjaya, maka Mahkamah akan memberikan ganti rugi kepada Plaintiff daripada Defendan-Defendan yang telah disaman oleh Plaintiff.

Di peringkat Kementerian Komunikasi dan Multimedia pula, Kementerian sentiasa berusaha untuk membendung aktiviti-aktiviti penyebaran fitnah melalui media sosial yang mana pada kebiasaannya sesuatu fitnah yang disebarkan itu menggunakan akaun palsu. Kementerian menyatakan bahawa pihak Kementerian telah mengenal pasti hampir 2,000 akaun media sosial palsu yang aktif dalam penyebaran berita palsu dan fitnah di negara ini²⁰. Menteri, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak berkata, daripada 2,000 akaun palsu itu, hampir 75 peratus sudah diambil tindakan dan selebihnya masih dalam siasatan. Bagi tempoh Januari 2016 hingga Jun tahun ini, sebanyak 22 kes membabitkan media baharu termasuklah media sosial, laman sesawang dan blog sudah disiasat. Daripada jumlah itu, 19 kes dikenakan tindakan kompaun dan 5 kes yang didakwa dan disabitkan kesalahan.

²⁰ <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/08/308378/kkm-tutup-akaun-media-sosial-sebar-fitnah>

Akta yang terakhir yang akan disentuh adalah Akta Jenayah Komputer 1997 [Akta 563]. Secara ringkasnya Akta ini berkaitan dengan kesalahan berkaitan penyalahgunaan komputer untuk melakukan jenayah. Di bawah Akta ini, akses kepada komputer secara tidak sah atau mengubah apa-apa program atau data dalam sesuatu komputer itu adalah salah dan boleh dikenakan hukuman. Antara kesalahan yang terdapat dalam Akta ini adalah seperti yang diperuntukkan dari seksyen 2 hingga seksyen 8 Akta.

Seksyen 3 Akta Jenayah Komputer 1997 memperuntukkan seperti yang berikut:

“Capaian tanpa kuasa kepada bahan computer

3. (1) Seseorang adalah melakukan suatu kesalahan sekiranya –

- (a) dia menyebabkan suatu computer melaksanakan apa-apa fungsi dengan niat untuk mendapat capaian kepada mana-mana program atau data yang disimpan dalam mana-mana komputer;
- (b) capaian yang dia berniat untuk mendapatkan adalah tanpa kuasa; dan
- (c) dia tahu semasa dia menyebabkan komputer itu melaksanakan fungsi itu, demikian berlakunya.

(2) Niat seseorang itu untuk melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini tidak perlu ditujukan kepada –

- (a) mana-mana program atau data yang tertentu;
- (b) suatu bentuk program atau data yang tertentu; atau
- (c) suatu program atau data yang disimpan dalam mana-mana komputer yang tertentu.

(3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini hendaklah apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.”.

Seterusnya seksyen 4 Akta Jenayah Komputer 1997 menyatakan seperti yang berikut:

“Capaian tanpa kuasa dengan niat untuk melakukan atau memudahkan berlakunya kesalahan lanjut”

4. (1) Seseorang adalah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini sekiranya dia melakukan suatu kesalahan yang disebut dalam seksyen 3 dengan niat—

- (a) untuk melakukan suatu kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan atau yang menyebabkan kecederaan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan [Akta 574]; atau
- (b) untuk memudahkan berlakunya kesalahan itu sama ada olehnya sendiri atau oleh mana-mana orang lain.

(2) Bagi maksud seksyen ini, adalah tidak material sama ada kesalahan yang seksyen ini terpakai dilakukan pada masa yang sama apabila capaian tanpa kuasa itu didapati atau pada bila-bila masa hadapan.

(3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini hendaklah apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.”.

Kesalahan-kesalahan yang lain meliputi kesalahan pengubahsuaian tanpa kuasa kandungan mana-mana komputer²¹, komunikasi salah²², pensubahatan dan percubaan boleh dihukum sebagai kesalahan²³ dan peruntukan berkenaan dengan anggapan²⁴.

Akta ini juga berkesan kepada apa-apa jenayah yang dilakukan di luar Malaysia walaupun kesalahan tersebut dilakukan oleh seseorang atau dari sesuatu tempat di luar Malaysia selagi mana komputer, program atau data tersebut adalah berada di Malaysia atau boleh dicapai, dihubungkan atau digunakan dengan komputer di Malaysia.

Seksyen 9 Akta Jenayah Komputer 1997 menyatakan seperti yang berikut:

“Skop wilayah kesalahan di bawah Akta ini”

9. (1) Peruntukan Akta ini hendaklah, berhubung dengan mana-mana orang, walau apa pun kerakyatan atau kewarganegaraannya, mempunyai kuat kuasa di luar dan juga di dalam Malaysia, dan jika suatu kesalahan di bawah Akta ini dilakukan oleh mana-mana orang di mana-mana tempat di luar Malaysia, dia

²¹ Seksyen 5, Akta Jenayah Komputer 1997

²² Seksyen 6, Akta JenayahKomputer 1997

²³ Seksyen 7, Akta Jenayah Komputer 1997

²⁴ Seksyen 8, Akta Jenayah Komputer 1997

boleh diuruskan berkenaan dengan kesalahan sedemikian seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di mana-mana tempat dalam Malaysia.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Akta ini hendaklah terpakai sekiranya, bagi kesalahan yang dipersoalkan, komputer, program atau data itu berada di Malaysia atau yang boleh disambung kepada atau dihantar kepada atau digunakan oleh atau dengan suatu komputer di Malaysia pada masa yang material itu.

(3) Apa-apa pembicaraan terhadap mana-mana orang di bawah seksyen ini yang akan menghalang perbicaraan yang kemudian terhadap seseorang itu bagi kesalahan yang sama sekiranya kesalahan itu telah dilakukan dalam Malaysia adalah menghalang perbicaraan selanjutnya terhadapnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkenaan dengan ekstradisi orang, berkenaan dengan kesalahan yang sama di luar Malaysia.”

Walau bagaimanapun, bagi kesalahan rentas sempadan ini masih belum pernah diuji sejauh mana keberkesanan dari segi pemakaian Akta tersebut di luar negara. Namun begitu, pihak Polis Diraja Malaysia pernah menjalankan siasatan terhadap *Wall Streets Journal* (WSJ) di bawah Akta Jenayah Komputer²⁵. Ketua Polis Negara pada tahun 2015 berkata bahawa WSJ akan disiasat di bawah seksyen 4 Akta Jenayah Komputer 1997 kerana capaian tidak dibenarkan dengan niat melakukan kesalahan selanjutnya.

²⁵ <https://www.malaysianreview.com/132435/polis-siasat-wsj-di-bawah-akta-jenayah-komputer/>

(v) KESIMPULAN

Media sosial merupakan satu medium yang sangat berguna dan boleh memberikan banyak kelebihan kepada pengguna-pengguna media sosial. Walau bagaimanapun, kelebihan tersebut haruslah digunakan secara waras dan berhati-hati.

Adalah menjadi tanggungjawab setiap pengguna untuk menggunakan media sosial secara berhemah dan tidak menyalahgunakan kemudahan teknologi yang ada. Apa yang membimbangkan ialah sikap pengguna media sosial kini yang gemar menularkan sesuatu isu atau situasi yang tidak sahih kebenarannya. Amalan tular menular sekiranya tidak dikawal akan mendatangkan impak yang cukup besar serta memberi kesan buruk kepada masyarakat.

Kerajaan sentiasa memandang serius isu yang melibatkan penyebaran bahan atau perkongsian maklumat di media sosial yang boleh menggugat ketenteraman awam. Perundangan khas yang digubal untuk mengawal serta peranan pihak berkuasa dalam memantau setiap aktiviti dalam media sosial merupakan langkah proaktif Kerajaan dalam membendung isu yang melibatkan penyalahgunaan media sosial.

Walaupun kebebasan dalam menyatakan pendapat atau pandangan adalah hak pengguna media sosial, namun ia tidak bermakna bahawa pengguna media sosial bebas menyatakan apa sahaja yang difikirkan kerana apa-apa sahaja

pernyataan yang dimuat naik adalah tertakluk kepada undang-undang negara yang bertujuan untuk melindungi kepentingan awam secara keseluruhannya.

Penggunaan media sosial dalam dunia tanpa sempadan sama ada membawa kepada kebaikan atau keburukan jawapannya terletak kepada pengguna media sosial itu sendiri. Kematangan berfikir penting bagi setiap individu yang menggunakan media sosial untuk menilai kebaikan dan keburukan setiap aktiviti di alam maya. Ibu bapa perlu memainkan peranan penting untuk mengelakkan kesan buruk akibat penggunaan media sosial kerana "mencegah adalah lebih baik daripada mengubati". Kerajaan juga telah memainkan peranan dengan menggubal undang-undang bagi membatasi dan mengawal penggunaan media sosial dalam dunia tanpa sempadan.

***“We don’t have a choice on
whether we DO social media,
the question is
how well we DO it.”
-Erik Qualman-***

RUJUKAN

1. Laman web <https://www.hmetro.com.my>
2. Laman web <https://sebenarnya.my>
3. Laman web <http://www.mstar.com.my/>
4. Laman web <http://www.mstar.com.my/>
5. Laman web <http://www.freemalaysiatoday.com>
6. Laman web <https://www.thestar.com.my>
7. Laman web <https://www.bharian.com.my>
8. Laman web <https://www.lexisnexis.com/my>
9. Artikel dari <http://www.ukm.my/jkom/journal>
10. Laman web <https://www.malaysianreview.com>
11. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]
12. Akta Hasutan 1948 [Akta 15]
13. Akta Jenayah Komputer 1997 [Akta 563]